

NASIHAT DENGAN PANGGILAN YANG LEMBUT DALAM KONTEKS KELUARGA MUSLIM DI MALAYSIA

ADVICE USING GENTLE WORDS IN THE CONTEXT OF THE MUSLIM FAMILY IN MALAYSIA

Masthurhah Ismail^{1*}
Safinah Ismail²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: masth080@uitm.edu.my)

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

(Email: safinah@uis.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Ismail, M. & Ismail, S. (2024). Nasihat dengan panggilan yang lembut dalam konteks keluarga Muslim di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 308 - 319.

Abstrak: Tingkah laku manusia dipengaruhi oleh persekitaran begitu juga dengan anak-anak dalam sebuah keluarga di Malaysia. Pembentukan akhlak anak-anak amat penting kerana mereka adalah aset negara dan penentu kepada masa depan negara yang baik dan maju. Pendidikan anak-anak dan pembentukan akhlak mereka bermula di rumah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti cara nasihat ibu bapa keluarga muslim di Malaysia dan Menganalisis cara nasihat ibu bapa keluarga muslim di Malaysia. Rekabentuk kajian ini adalah kajian fenomenologi yang memfokuskan kepada struktur atau pengalaman yang dialami oleh seseorang individu. Pendekatan ini dipilih untuk menerokai pelbagai pengalaman menggunakan kaedah deskriptif fenomenologi dan purposive sampling untuk memperolehi data kajian. Persampelan dilakukan melalui temubual kumpulan fokus (Focus Group Discussion). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa nasihat yang lembut dan pujian terhadap anak-anak yang menjadi amalan ibu bapa di Malaysia memberi kesan positif kepada anak-anak dan menepati saranan al-Quran.

Kata kunci: Nasihat, Akhlak, Pendidikan, Keluarga, Muslim

Abstract: Human behaviour is influenced by the environment and so is that of a child within a family in Malaysia. The foundation of the child's behaviour is critical as he is a national asset who will determine that the nation has a great and progressive future. Child education and their behavioural formation starts from home. This study aims to identify the advising methods of Muslim parents in Malaysia and to analyse the advising methods of Muslim parents in Malaysia. The research design is a phenomenological study focusing on the structure or experiences of an individual. This approach is chosen to explore various experiences by employing the descriptive phenomenology and purposive sampling to collect research data.

Sampling is carried out through focus group discussions. Data collected is analysed using thematic analysis method. Study findings revealed that gentle advice and positive reinforcements towards children, which are the norms among parents in Malaysia, impart positive effects on children and are in line with Quranic teachings.

Keywords: Advice, Behaviour, Education, Family, Muslim

Pendahuluan

Nasihat memberi kesan yang besar kerana dapat membuka mata anak-anak terhadap sesuatu perkara, mendorong mereka untuk melakukan kebaikan dan menghiasi diri dengan akhlak yang mulia (al-Ulwan 1997), Rasulullah SAW menjadikan nasihat dan bimbingan sebagai kaedah yang banyak diaplikasikan dalam dakwah. Islam adalah agama yang menganjurkan pendidikan dan nasihat yang lembut dan berhemah terhadap anak-anak dan ahli keluarga. Kesempurnaan ajaran Islam ini perlu diberi perhatian serius oleh muslim di Malaysia bagi menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara.

Kajian Literatur

Nasihat adalah peringatan, suruhan agar melakukan ketaatan dan memberi wasiat (al-Bayanuni 1995). Aep Wahyudin (2012) berpandangan bahawa nasihat adalah percakapan yang baik. Manakala Dewi dan A. Boham (2014) pula menjelaskan bahawa nasihat adalah ajaran baik yang diberikan kepada seseorang dengan menekankan pendidikan jasmani, minda dan jiwa. Nasihat adalah suatu keperluan dalam sesebuah keluarga (Balcells-balcells et al. 2019). Bahkan menasihati anak-anak dalam sesebuah keluarga merupakan tanggungjawab ibu bapa (Bahrami, Hosseini & Zamiri 2017). Nasihat adalah penyampaian ajaran Islam dengan kasih sayang, kelembutan, dan tidak menggunakan kata-kata yang buruk atau nada mengejek (Miranti Dwi 2018). Menurut Yulia Hairina (2017), nasihat merupakan penjelasan berkaitan perkara-perkara kebaikan untuk menghindari bahaya. Ibu bapa memberi nasihat dan teguran dengan penuh kasih sayang, secara hikmah dan tegas bagi menggalakkan penerimaan mesej yang disampaikan. Ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak untuk memberi nasihat dan bimbingan dalam hal yang berkaitan keagamaan, akademik, kehidupan dan masalah peribadi. Oleh yang demikian, Jamiah et al. (2015) berpandangan bahawa anak-anak memerlukan nasihat dan perhatian daripada ibu bapa dalam setiap aspek kehidupan mereka. Nasihat yang tulus ikhlas dapat memberi kesan yang mendalam kepada seseorang termasuk anak-anak.

Al-Quran menekankan agar menggunakan nasihat kerana nasihat memberi peringatan supaya manusia bertakwa, mendidik manusia ke arah kebaikan, kebenaran dan mendapat petunjuk Allah SWT. Nasihat sesuai dengan lafaz lafaz al-Quran daripada pelbagai struktur dan gaya bahasa (al-Ulwan 1997). Penggunaan kaedah nasihat adalah suruhan daripada Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam al-Quran. Firman Allah SWT (al-Quran, al-Nahl 16:125) yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engku serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Ibn Kathīr (1999) dalam *Tafsir Ibn Kathīr* menjelaskan ayat tersebut bahawa Allah SWT menyuruh Rasulullah SAW menyeru dengan hikmah. Ibn Jarir berkata, apa yang diturunkan daripada al-Quran dan hadis. Nasihat yang baik iaitu apa yang menjadi larangan kepada manusia supaya mereka menjauhi akibat pembalasan Allah SWT. Berdebatlah dengan cara yang baik pula iaitu orang yang memerlukan perdebatan, hendaklah berdebat dengan cara yang baik, lemah lembut dan tutur kata yang bagus (Ibn Kathīr 1999). Para nabi dan insan soleh terdahulu menggunakan nasihat dalam mendidik anak-anak (al-Bayanuni 1995). Al-Quran memaparkan contoh nasihat para bapa kepada anak-anak mereka sebagaimana Nabi Ibrahim AS, Nabi Yaakub AS, Nabi Nuh AS dan Luqman (Rahmi 2015). Nasihat yang diberikan bertujuan untuk memperteguhkan keimanan anak-anak mereka kepada Allah SWT.

Permasalahan Kajian

Suasana persekitaran yang diwujudkan oleh ibu bapa dalam keluarga mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Namun Muammar Qadafi (2019) dan Nisanci Aslihan (2016) berpandangan bahawa ibu bapa tidak menjadi teladan yang baik kepada anak-anak ketika berada di rumah. Sebagai contoh, ibu bapa menunjukkan sikap yang tidak baik dan cara diplomasi yang tidak hikmah serta sering menggunakan kata-kata kesat dalam percakapan di rumah. Hal ini menjelaskan komunikasi dua hala dan menimbulkan perasaan marah dan dendam antara ahli keluarga (Abu Dzar & Mohd Arif 2017; Anuar & Norhaidawati 2016). Vanassche et al. (2014) menambah bahawa ibu bapa yang bercerai turut menjadi contoh yang tidak baik kepada anak-anak berbanding keluarga harmoni. Kesan perceraian menyebabkan kanak-kanak hilang suri teladan yang perlu dicontohi dalam keluarga. Keadaan ini akan menyebabkan kanak-kanak mengalami krisis identiti apabila meningkat dewasa. Menurut Teori Perkembangan Psikososial, kanak-kanak akan melalui sesi transisi iaitu kecelaruan identiti daripada zaman kanak-kanak kepada zaman remaja. Di samping itu, kesan perceraian turut memberi kesan dalam jangka masa panjang. Salah satu kesannya adalah anak-anak berhadapan dengan perasaan tertekan dan boleh mengakibatkan kemurungan selepas ibu bapa mereka bercerai. Nuraimrah, Norulhuda & Nur Saadah (2019). Oleh yang demikian, anak-anak akan membesar menjadi seorang yang egois, agresif dan sukar bersosial dengan orang lain. Hal ini turut memberi kesan negatif kepada anak-anak (Rahendra Maya 2016).

Dewi dan A. Boham (2014) menyatakan bahawa ibu bapa kurang memberikan nasihat dan perhatian kepada anak-anak kerana sibuk dengan kerjaya masing-masing (Ahmad Gawdy, Doni & Adisel 2018). Ini turut diakui oleh Mohamad Khairi et al. (2016), Azizi, Shahrin dan Mascilla (2012) bahawa kesibukan kerjaya menjarakkan anak-anak daripada ibu bapa kerana waktu yang diluangkan bersama anak-anak adalah terhad, mengurangkan kemesraan antara mereka dan mengurangkan kualiti kesejahteraan keluarga (Ahmad Gawdy, Doni & Adisel 2018; Alfon, Julia & Antonius 2015; Azizi, Shahrin & Mascilla 2012; Rahmawati & Nuragmi 2018).

Nasihat dengan lembut mempunyai pengaruh yang besar terhadap perasaan dan jiwa seseorang. Bentuk ini memberi kepuasan menolak atau mengasihi secara jelas dalam dialog yang terkandung dalam al-Quran dengan akal dan jiwa manusia. Antara seruan yang terdapat dalam al-Quran iaitu seruan untuk anak-anak (al-cUlwān 1997). Sebagai contoh, seruan Nabi Nuh AS terhadap anaknya sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya (al-Quran, Hud 11:42) yang bermaksud:

Nabi Nuh memanggil anaknya yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir.

Ibn Kathīr (1999) dalam *Tafsir Ibn Kathīr* menjelaskan bahawa Nabi Nuh AS telah menyeru dengan jelas kepada anaknya yang bernama Yaam supaya bersama-sama menaiki kapal. Nabi Nuh AS berbincang dengan baik dan mengingatkan anaknya bahawa tidak ada yang mampu selamat melainkan dengan perlindungan daripada Allah SWT. Begitu juga kisah Nabi Ibrahim AS dengan anak-anaknya sebagaimana firman Allah SWT (al-Quran, al-Baqarah 2:132) yang bermaksud:

Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam

Al-Qurtubi (2014) dalam *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*, menukilkan bahawa Nabi Yaakub AS mewasiatkan kepada anaknya, Wahai anakku sesungguhnya Allah SWT memilih bagimu agama. Anak Nabi Ibrahim AS yang dimaksudkan ialah Ismail dan ibunya Hajar. Beliau anak sulung. Nabi Ibrahim AS membawanya ke Mekah ketika masih menyusu. Dikatakan ketika umur 2 tahun. Ada yang mengatakan ketika berumur 14 tahun. Pandangan pertama adalah lebih sahih. Al-Baghāwī (1997) pula dalam *Macalim al-Tanzil* menukilkan kata al-Kalbi dan Muqatil iaitu perkara tersebut adalah kalimah ikhlas la ila ha illallah. Kata Abu Ubaidah: boleh ditafsirkan perkara tersebut adalah agama Nabi Ibrahim AS atau wasiat Nabi Ibrahim AS kepada anaknya iaitu lapan orang. Ismail ibunya Hajar, Ishak ibunya Sarah dan enam lagi ibunya Qanturah yang dikahwini oleh Nabi Ibrahim AS selepas kewafatan Sarah. Dikatakan juga Nabi Yaakub AS iaitu mewasiatkan Nabi Yaakub AS kepada anaknya iaitu dua belas orang.

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Nabi Yaakub AS menasihati anaknya agar memelihara keimanan terhadap Allah SWT hingga ke akhir hayat. Sehubungan dengan itu, ibu bapa boleh mengaplikasikan kaedah yang sama ketika memberi nasihat yang baik kepada anak-anak. Sebagai contoh apabila masuk waktu solat, anak-anak diseru dengan lemah-lembut untuk solat berjemaah. Malah jika anak-anak berjauhan, ibu bapa masih boleh mengingatkan anak-anak melalui khidmat pesanan ringkas supaya tidak meninggalkan solat (Abdul Munir et al. 2013). Rasulullah SAW juga menggalakkan ibu bapa untuk menggunakan kata-kata yang lemah-lembut dan melarang mengkritik dan memarahi anak-anak (Suwaid 2014). Nada yang lembut ketika memberi nasihat dapat memelihara hubungan baik dengan anak-anak. Antara cara yang boleh digunakan untuk mendapat perhatian anak-anak ketika memberi nasihat ialah dengan sentiasa bercakap dengan anak-anak, terutama ketika waktu sebelum tidur, melakukan kontak mata apabila berbicara dengan anak-anak, sentiasa mengulang arahan, mengawal kemarahan dengan memegang tangan anak, berbicara sambil merenung ke dalam mata anak dengan menjelaskan kesalahan anak yang menyebabkan ibu bapa marah (Azizi, Halimah & Zuhaimy 2012). Islam menggariskan beberapa prinsip sebagai garis panduan iaitu untuk berbicara dengan lembut (Noornajihan et al. 2014).

Ibu bapa juga menggunakan nasihat dengan panggilan yang berunsurkan puji dan sebagai puji kepada anak-anak (Ulwan 1997). Hal tersebut boleh menambah baik komunikasi dengan anak-anak dan mengukuhkan ikatan kekeluargaan (Nuraini Novianti, Melly Latifah &

Neti Hernawati 2018). Fathiyaturrohmah (2014) pula berpandangan bahawa kasih sayang ibu bapa terhadap anak dapat diserahkan dengan ciuman, pelukan atau pujian. Menasihati dengan panggilan yang mempunyai kata pujian dan sanjungan boleh memperbaiki sikap anak-anak kerana anak-anak suka dipuji dan dihargai (Ratnasari 2007; Azizi, Halimah dan Zuhaimy 2012). Oleh itu, apabila anak-anak patuh kepada arahan, ibu bapa boleh menghadiahkan pujian dan pelukan (Sicillya 2013). Sehubungan dengan itu, ibu bapa boleh memberi galakan dan pujian apabila anak-anak melakukan kebaikan untuk mendorong anak-anak mengekalkan perbuatan tersebut.

Pujian boleh menggalakkan anak-anak untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik pada masa akan datang dan pada masa yang sama ibu bapa boleh menasihati anak-anak (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani 2007). Oleh yang demikian, ibu bapa yang menggalakkan anak-anak dengan kata-kata pujian mempunyai kesan positif terhadap anak-anak. Ibu bapa cenderung untuk memberi pujian ketika anak-anak sedang belajar, ketika berbual atau mengikut kesesuaian masa dan tempat. Kata-kata nasihat yang disertai dengan pujian dan ciuman mengukuhkan lagi kasih sayang serta merangsang semangat anak-anak untuk lebih gigih belajar (Rusli Ahmad & Abg Ishar 2010). Malah Che Su dan Nan Zakiah (2014) menegaskan bahawa ibu bapa yang merupakan pengguna tegar media sosial juga menyampaikan mesej-mesej pujian yang dimuat turun daripada *Facebook*, *Telegram*, *Instagram* dan sebagainya untuk menggalakkan anak-anak melakukan kebaikan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi bagi memperoleh data. Bentuk kajian ini memfokuskan kepada struktur atau pengalaman seseorang sebagaimana yang dialami oleh seseorang individu. Pendekatan ini dipilih kerana melihat pelbagai pengalaman yang boleh diterokai dengan menggunakan kaedah deskriptif fenomenologi (Mohd Zaliridzal 2018). Pensampelan bukan kebarangkalian melalui jenis pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini.

Pensampelan bertujuan dilakukan bagi mendapatkan data mengenai pola komunikasi ibu bapa dalam keluarga Muslim. Peserta kajian adalah daripada kalangan ibu bapa yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana ciri-ciri fleksibiliti sesuai dalam meneroka dan mengkaji makna di sebalik pengalaman personal peserta kajian (Kamarul Azmi 2010). Pensampelan ini dipilih bagi memahami secara mendalam fenomena yang dikaji dengan cara memilih kelompok manusia secara teliti dan bertujuan iaitu ibu bapa dalam kalangan keluarga Muslim. Pemilihan individu-individu tersebut dapat memperlihatkan kepelbagaiannya maksud pengalaman yang mereka alami dan bukan bertujuan untuk membuat generalisasi. Oleh yang demikian, pengkaji memilih peserta kajian yang terdiri daripada ibu bapa dalam kalangan keluarga Muslim. Sebelas peserta kajian dipilih daripada 4 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Pensampelan bertujuan ini dilakukan melalui temu bual kumpulan fokus atau dikenali sebagai *Focus Group Discussion* (FGD) sebagai peserta kajian. Cresswell (2014) menyatakan pemilihan peserta kajian memadai antara 6 hingga 8 orang. Data dianalisis secara analisis tematik.

Bahagian ini memberi tumpuan kepada beberapa aspek mengenai latar mereka. Jadual profil peserta kajian adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Latar Belakang Peserta Kajian

PK	Jantina		Umur	Pendidikan Tertinggi	Pengalaman Mendidik Anak-Anak
	Lelaki	Perempuan			
PK 1		√	47	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Teknologi Maklumat UKM • Sarjana Sains Maklumat UKM • PhD Sains Maklumat UKM 	20 tahun
PK 2	√		50	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Ilmu Wahyu UIAM. • Sarjana Ilmu Wahyu UIAM. • PhD, Pengurusan Kepimpinan Islam USIM. 	22 tahun
PK 3		√	54	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Tafsir Dan Hadis Univ Al Azhar Mesir • Sarjana Usuluddin UM 	29 tahun
PK 4		√	48	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Syariah dan ekonomi UIAM • Sarjana ekonomi UIAM 	22 tahun
PK 5		√	45	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Universiti Yarmouk, Jordan • Sarjana Usuluddin dan Falsafah UKM 	19 tahun
PK 6			46	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Usuluddin (tafsir hadis) (IAIN) Indonesia • Sarjana Usuluddin UM • PhD Peradaban Islam UKM 	17 tahun
PK 7		√	50	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dan minor dalam Komunikasi UIAM • Sarjana Psikologi UKM 	24 tahun
PK 8	√		51	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Syariah Al Azhar, Mesir • Sarjana Syariah UKM 	24 tahun

PK 9		√	43	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda (Fiqh dan Usul) UM • Sarjana undang-undang dan pentadbiran agama Islam UIA 	17 tahun
PK 10	√		43	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda UM • Sarjana UM 	17 tahun
PK 11		√	46	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Undang-Undang UIAM • Sarjana Undang-Undang UKM 	21 tahun

Sumber: Data kajian 2021

Seramai 11 orang peserta kajian (PK) telah menyertai kajian ini. Profil jantina menunjukkan bahawa 4 orang daripada mereka adalah terdiri daripada golongan bapa dan 7 orang mewakili bagi golongan ibu. Pemilihan mereka berdasarkan pensampelan bertujuan dan kesediaan untuk melibatkan diri dalam kajian. Profil umur PK menunjukkan majoriti peserta kajian adalah berumur 40 ke atas.. Gambaran umur pada PK 1-PK 11 adalah umur ibu bapa antara 43 hingga 54.

Dari sudut pengalaman mendidik anak-anak, PK memiliki pengalaman dalam mendidik anak-anak melebihi 10 tahun (PK 5, PK 6, PK 9, PK 10). Manakala PK 1, PK 2, PK 3, PK 4, PK 7, PK 8 dan PK 11) berpengalaman mendidik anak melebihi 20 tahun. Profil pengalaman mendidik anak-anak antara PK menampakkan bahawa peserta kajian mempunyai pengalaman yang luas dalam mendidik anak-anak. Hal ini menguatkan lagi kebolehpercayaan dan generalisasi dapatan.

Jadual 3 menunjukkan bahawa pendidikan peserta kajian majoriti adalah daripada pengajian Islam iaitu daripada universiti dalam dan luar negara. Hanya dua peserta kajian bukan daripada pengajian Islam iaitu PK 1, mendapat ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat UKM dan PK 11 mendapat ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, UIAM. Terdapat 3 peserta kajian yang telah memperoleh PhD. Manakala 8 lagi sekurang-kurangnya telah memperoleh sarjana dalam bidang masing-masing.

Tambahan pula, Sabitha (2005) menjelaskan spesifikasi ciri amalan yang dilaksanakan adalah difokuskan bukan dilihat kepada jumlah peserta kajian. Dalam konteks kajian yang dilakukan kriteria peserta kajian adalah seperti berikut:

- i. Beragama Islam (Khalil 2018)
- ii. Menjadi ibu atau bapa yang mengasuh dan mendidik anak (Rozumah dan Rahimah 2008)
- iii. Berkahwin secara sah menurut perundangan Islam (Khalil 2018)
- iv. Terlibat secara langsung dengan kehidupan anak-anak (Rahmi 2015).
- v. Ibu bapa yang memiliki anak remaja (Khoirun Ni'mah 2018)
- vi. Mempunyai pendidikan tinggi sekurang-kurangnya sarjana (Islam dan Islam 2011)
- vii. Mempunyai kepakaran masing-masing seperti pakar syariah, pakar teknologi, pakar agamawan dan pakar kekeluargaan.

Peserta kajian dipilih adalah disebabkan keilmuan dan pengalaman dalam pelbagai bidang. Mereka juga telah berkeluarga dan mempunyai pengalaman dalam mendidik anak remaja (Wan Nor Adibah 2021). Pemilihan berdasarkan kriteria peserta kajian tersebut, pengkaji mendapat maklumat untuk data kajian. Bagi memastikan kerahsiaan (*anonymity*) peserta kajian, semua maklumat yang berkaitan peserta kajian dirahsiakan dengan menggunakan kod PK.

Dapatan Kajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa nasihat yang lembut memberi kesan positif kepada anak-anak dan menepati saranan al-Quran.

PK 9 mempelajari cara pujian, berlemah lembut dan bermain dengan anak-anak agar dapat menasihati anak-anak dengan baik. Bagi PK 7, beliau menggunakan bahasa dan intonasi yang lembut "... pastinya dengan bahasa tona yang lembut". Manakala bagi PK 8, apabila sesuatu kesalahan dilakukan oleh anak-anak, beliau menegur dengan cara yang lembut "... bila tak boleh, tak boleh lah tapi dengan cara lemah-lembut bukan dengan cara marah-marah". Begitu juga PK 9, beliau mempelajari untuk menasihati anak-anak secara lembut, memuji dan bermain-main dengan anak-anak sebagaimana pernyataan berikut "... saya jenis *direct* tapi bila duduk dengan ustaz, saya belajar untuk memuji, lemah-lembut dengan anak, main dengan anak" (PK 9).

Kenyataan ini menepati saranan al-Quran sebagaimana firman Allah SWT (al-Quran, Taha 20:44) yang bermaksud:

"kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah-lembut semoga dia beringat atau takut."

Nasihat yang diberikan kepada anak-anak sebaiknya menggunakan bahasa yang lembut seperti yang ditunjukkan oleh Luqman. Beliau menggunakan ungkapan *ya bunaya* iaitu kasih sayang dan kelembutan ketika memberi nasihat kepada anak-anak untuk memelihara hubungan baik sesama mereka (al-Qurtubi 2009; Qutb 1992). Nasihat yang lemah lembut seperti yang ditonjolkan Luqman secara bijaksana dengan penuh nilai kasih sayang seorang bapa dapat memberi kesan yang mendalam kepada anaknya. Justeru, apabila anak-anak meluahkan perasaan, maka ibu bapa menggunakan nasihat yang lemah lembut memberi keterangan tentang kebenaran Islam terhadap anak-anak dengan penuh kasih sayang. Interaksi positif ini mewujudkan dokongan sosial yang dapat memotivasi anak-anak bagi melakukan perkara yang baik dalam hidup mereka. Nasihat yang lemah lembut adalah satu cara yang memberi kesan positif dalam memberi hidayah ke arah kebaikan dan mendidik anak-anak (Syed Mohammad Hilmi & Annuar 2021; Farah Dina & Huzaimah 2008). Perkataan yang digunakan berserta dengan suara yang boleh menyentuh hati dan perasaan seseorang akan memudahkan penerima memahaminya. Malah menggunakan perkataan lembut dan berlapik ditekankan dalam adab bangsa Melayu yang sinonim dengan Islam amat mementingkan bahasa untuk menjaga perasaan (Azirawati, Nor Raudah & Yusmini. 2021). Menurut Rosnaaini & Suhahim (2015), panggilan ini dapat menyentuh hati anak dan lebih cepat ditaati dan diikuti. Nada untuk memberi pertolongan dan melahirkan rasa cinta yang mendalam. Cara ini juga menunjukkan bahawa ibu bapa sentiasa prihatin dan menjaga keperluan anak-anaknya. Ketepatan pemilihan bahasa yang lembut mempengaruhi dan memberi kesan yang besar dalam jiwa anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa nada bahasa yang digunakan menjadi alat komunikasi dan perhubungan yang penting dalam komunikasi. Justeru, Rasulullah SAW menyarankan ibu bapa menggunakan kata-kata yang lemah lembut dan menegah daripada mencela anak-anak kerana

apabila ibu bapa mencela anak-anak, pada dasarnya mereka mencela diri sendiri dan mendidik anak-anak untuk berbuat demikian juga (Suwaid 2014).

Oleh itu, Amaludin dan Zainal (2010) menyarankan agar ibu bapa memberi kasih sayang kepada anak dengan lemah-lembut berdasarkan peringkat umur. Justeru, dielakkan daripada menggunakan nada tidak sesuai kerana antara gangguan dalam komunikasi iaitu tidak menggunakan suara dan nada suara sebaiknya bagi memberi penekanan tentang kepentingan sesuatu mesej (Maimunah 2000). Kajian mendapati bahawa nada suara yang lemah-lembut dan lunak mampu menyentuh perasaan serta memberi kesan mendalam berbanding nada yang tinggi dan kasar kerana kelembutan dapat menawan hati insan yang bersikap kasar (Salahudin 2011; Hoirun Nisa 2016; Farah Dina & Huzaimeh 2008). Dalam memberi nasihat kepada anak-anak, ia perlu dilakukan dengan lemah-lembut, menggunakan intonasi yang baik dan cara yang mampu melembutkan hati anak-anak dan memudahkan mereka menurut nasihat ibu bapa. Komunikasi yang dilakukan dengan tidak menggunakan kekerasan atau kasar kerana apabila kata-kata yang kasar menyebabkan anak-anak menjauhi diri daripada ibu bapa mereka (Azirawati, Nor Raudah & Yusmini. 2021).

Bibliografi

- A. Muri Yusuf. 2014. *Metode Penelitian: Kuantitatif Kualitatif dan Penelitian Gabungan*. Jakarta: Prenadamedia Group.
- A'dawiyah Ismail. 2016. *Keluarga Berkualiti dalam Kalangan Wanita Berkerjaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Rahim, A., Sufean , H., & Jamaludin, T. 2006. Institusi Keluarga: Menghadapi Cabaran Alaf Baru. Selangor: Utusan Publication & Distribution
- Abdul Munir Ismail, Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Noor Daud & Shahrulanuar Mohamed. 2013. Pendekatan dakwah oleh ibu bapa suku Banjar bagi membentuk anak patuh kepada ajaran Islam. *Journal of Human Capital Development* 6(2): 125–144.
- Abu Dzar Ahmad & Mohd Arif Nazri. 2017. Komunikasi keluarga berdasarkan uslub Nabi SAW. *Jurnal al-Turath* 2(1): 54–64.
- Aep Wahyudin. 2012. Episteme Dakwatologi Komunikasi (Menakar Komunikasi Islam dalam Epsitemologi). *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies* 6 (2) : 207–225. doi:10.15575/jid.v6i2.335.
- Ahmad Gawdy Prananosa, Doni Pestalozi & Adisel. 2018. Konsep komunikasi pendidikan dalam al-Qur'an Surat Lukman. *Journal Of Administration and Educational Management (Alignment)*1(1):24–37
- Alfon Pusungulaa, Julia Pantow & Antonius Boham. 2015. Pola komunikasi keluarga dalam membentuk karakter anak di Kelurahan Beo Talaud. *Acta Diurna* IV(5): 1–11.
- Amaludin Ab. Rahman & Zainal Madon. 2010. Konsep keibubapaan teras pembentukan insan terbilang. *Jurnal Penyelidikan Islam* 23: 125–141.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd Noor. 2016. *Persekutaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Chow Kit Kuala Lumpur*. <https://www.researchgate.net/publication/320074565> [1 Mac 2020]
- Azirawati Abdul Rahman , Nor Raudah Hj Siren & Yusmini Md Yusoff . 2021. Kaedah Komunikasi Keluarga dalam Surah Āli 'Imrān Ayat 159: Kajian Amalan Mualaf Cina di Selangor. *Jurnal Usuluddin* 49 (1) 2021: 27-53.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip & Zuhaimy Ismail. 2012. *Teknik Berkesan Mendidik Anak Skudai*: Penerbit Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Mascilla Hamzah. 2012. Masalah salah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Jurnal*

- Teknologi* 58: 91–103.
- al-Baghāwī, Abu Muhammad al-Husain Ma‘ud. 1997. *Ma‘alim al-Tanzil*. Beirut: Dar Taiyyibah li al-nasyr wa al-Tauzī‘.
- Bahrami, M., Hosseini, M. A. & Zamiri, M. R. 2017. Family Pattern in the Quran and the Role of Social Networks in Consolidating or Dissolving it. *International Journal of Scientific Study* 5(4): 921–932.
- Balcells-balcells, A., Giné, C., Guàrdia-olmos, J., Ann, J. & Mas, J. M. 2019. Research in Developmental Disabilities Impact of supports and partnership on family quality of life. *Research in Developmental Disabilities* 85: 50–60.
- al-Bayanuni, Muhammad ‘Abd al-Fattah. 1995. *al-Madkhāl Ila ‘Ilm al-Da‘wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. 2014. Persepsi ibubapa dan anak serta hubungannya ke atas gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 30(Special Issue): 43–74.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design*. 4th Edisi . California: SAGE Publications.
- Cut Mawar Helmanda & Novita Pratiwi. 2018. Peranan komunikasi keluarga dalam perspektif Islam. *Tabligh* 19(1): 119–129.
- Dewi Pingkan Sambuaga & A. Boham. 2014. Peranan komunikasi keluarga dalam mencegah perkelahian antar warga (studi kasus di Kelurahan Mahakeret Barat). *Jurnal Acta Diurna* 3(4): 1–15.
- Farah Dina & Huzaimah. 2008. Metode Komunikasi Dakwah dlm S.Salahuddin Suyurno, KHuzaimah Ismail, Aini Faezah (pnyt.) . *Islam dan Komunikasi*, hlm. 31-54. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Fathiyaturrohmah. 2014. Ayat-ayat tentang peranan ibu dalam pendidikan anak. *Elementary* 2(1): 57–85.
- Hoirun Nisa. 2016. Komunikasi Yang Efektif Dalam Pendidikan Kerekter. *Jurnal Keislaman dan Kebudayaan*. 10(1): 49-63
- Ibn Kathīr, Abu Fida' Isma'il. 1999. *Tafsir Ibn Kathīr*, Jil 1. Riyad: Maktabah Dar al- Salam.
- Islam, M. K. & Islam, R. 2011. Strengthening muslim family institution: a management perspective. *Pertanika J. Soc. Sci. dan Hum* 19(1): 81–98.
- Jamiah Manap, Suzana Mohd Hoesni & Mohd Rezal Hamzah. 2018. Family communication amongst conventional malay man. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 34 (1): 238–252.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Khoirun Ni'mah. 2018. Pola komunikasi keluarga dan pengasuhan ramah anak sebagai upaya membentuk kepribadian anak. *Komunika: Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 12(1): 23–41
- Maimunah Osman. 2000. *Komunikasi Berkesan Hubungan Interpersonal*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Al-Maraghiy. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. T. M. Thalib Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miranti Dwi Jaliani. 2018. Pola komunikasi dakwah dalam penyiaran Islam berbasis kearifan lokal (studi tentang dakwah Sunan Kalijaga). Tesis Sarjana. Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi i Othman.2016. Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah. Proceeding of

- ICECRS.. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>
- Mohd Zaliridzal Zakaria. 2018. Exploring experiences of counselors in crisis intervention of natural disasters in Malaysia. Tesis Dr. Fal, FPP, Universiti Putra Malaysia.
- Muammar Qadafi. 2019. Kolaborasi guru dan orang tua dalam mengembangkan aspek moral agama anak usia dini. *Pendidikan Anak* 5(1): 1–19.
- Nisanci, A. A. 2016. Turkish immigrant families in the US: parenting, parent-adolescent relationships and adolescent wellbeing. Tesis Dr. Fal. Social Work, The Graduate College of the University of Illinois at Chicago.
- Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd. Ghazalid, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh dan Mohd Isa Hamzah. 2014. Quran Education for special children: Teacher as Murabbi. *Creative Education* 05(07): 435–444. d
- Nuraini Novianti, Melly Latifah & Neti Hernawati. 2018. Mengoptimalkan faktor diri dan keluarga dalam prestasi akademik remaja. *Jurnal Ilmu Keluarga dan Konsumen* 11(1): 60–73
- Al- Qurṭubī, Abi Abd Allah Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abi Bakr. 2014. *al-Jami' li- Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-`Ilmiyah.
- Rahendra Maya. 2016. Revitalisasi keteladanan dalam pendidikan Islam: upaya menjawab peluang dan tantangan pendidikan Islam di era Masyarakat Ekonomi ASEAN (MEA). *Edukasi Islami. Jurnal Pendidikan Islam* 5: 1177.
- Rahmawati & Muragmi Gazali. 2018. Pola komunikasi dalam keluarga. *al-Munzir* 11(2): 163–181.
- Rahimah Ibrahim & Rozumah Baharudin. 2008. *Keluarga Kanak- Kanak dan Remaja*. Univesiti Putra Malaysia.
- Rahmi. 2015. Tokoh ayah dalam al-Quran dan keterlibatannya dalam pembinaan anak. *Kafa'ah: Jurnal Ilmiah Kajian Gender* 5(2): 203–218.
- Raihanah Azahari. 2004. Kaedah menyelesaikan pertikaian keluarga dalam masyarakat Melayu: zaman pra dan pasca kolonial. *Jurnal Syariah* 12(1927): 125–150..
- Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan* 9: 73–82.
- Rosnaaini Hamid&Suhanim Abdullah. 2015. *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman*. Sintok: UUM Press.
- S. Salahudin Suyurno. 2011. Akhlak komunikasi Islam dan penghayatan kehidupan beragama: kajian kes di Universiti Teknologi MARA Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Sicillya E. Boham. 2013. Pola komunikasi orang tua dengan anak autis (Studi pada orang tua dari anak autis di Sekolah Luar Biasa AGCA Center Pumorow Kelurahan Banjer Manado). *Journal Acta Diurna Komunikasi* II(4): 1–18.
- Suwaid, Muhammad Nur ¢Abdul Hafiz. 2014. *Prophetic Parenting Cara Nabi SAW Mendidik Anak*. Terj. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman & Annuar Ramadhon Kasa @Muhyiddin. 2021. Pengurusan stres anak-anak menurut perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 22(1): 205-215
- ¢Ulwan, ¢Abdullah Nasih. 1997. *Tarbiah al-Awlad fi al-Islam*. Mansurah: Dar al Salam.
- Vanassche, S, Sodermans, A.K, Matthijs, K & Swicegood, G. 2014. The effects of family type, family relationships and parental role models on delinquency and alcohol use among

- flemish adolescents. *Journal of Child and Family Studies* 23(1): 128–143.
- Wan Nor Adibah Wan Ahmad. 2021. Peranan Ibu bapa dalam mendidik anak bagi memelihara institusi kekeluargaan pada perspektif maqasid al-shariah. Tesis Dr Fal. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yulia Hairina. 2017. Prophetic Parenting sebagai model pengasuhan dalam pembentukan karakter (akhlak) anak. *Jurnal Studia Insania* 4(1): 79–94.